

Pertandingan
KUJZ
KENEGARAAN
Peringkat Kebangsaan '94

Di Dewan Perniagaan China
Jalan Kebun Sultan
Kota Bharu, Kelantan
Pada 8 – 11 Oktober 1994

APB714236

04 NOV 1994

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

ISBN 983-9762-59-1

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.
Abas Bin Salleh K.M.N. Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia. B.017(B.M) Oktober 1994 (001.)
Dicetak oleh Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd.

Objektif Pertandingan

- *Menanam semangat cintakan negara dan bangga menjadi rakyat Malaysia.*
- *Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan, isu-isu semasa negara, sejarah perjuangan dan pembangunan negara.*
- *Meningkatkan imej dan kewibawaan kerajaan di kalangan orang ramai.*
- *Mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang sedia ada di Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.*
- *Meningkatkan lagi kegemaran membaca dan mencari maklumat di kalangan masyarakat.*

Selayang Pandang



Malaysia yang diharapkan dalam Wawasan 2020 ialah masyarakat yang saintifik, progresif, maju, mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, kecekapan dan kemahiran di dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, satu perkara yang harus ditekankan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dan saintifik ialah masyarakat yang berilmu. Tanpa dilengkapi ilmu pengetahuan yang cukup kepada anggota masyarakat, tidak mungkin masyarakat itu akan sampai ke tahap yang tinggi, cemerlang dan berjaya menjadi masyarakat yang benar-benar maju.

Oleh yang demikian kita sebagai satu bangsa, haruslah meningkatkan daya intelektual dengan sebaik-baiknya. Menuntut ilmu adalah satu proses seumur hidup yang berterusan.

Dalam menuju hasrat untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan seterusnya mewujudkan satu masyarakat yang progresif dan saintifik, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia telah menjadikan Kuiz Kenegaraan sebagai salah satu aktiviti tahunan. Di samping meningkatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan, isu-isu semasa negara, Kuiz Kenegaraan juga dapat mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Sejak dilaksanakan, pertandingan ini terus mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama di peringkat negeri. Peserta-pesertanya pula terdiri daripada pelbagai golongan iaitu pelajar, guru hinggalah golongan profesional.

Piala yang menjadi rebutan kepada setiap pasukan ialah Piala Pusingan Setia Bistari yang telah disumbangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan Datuk Railey Haji Jeffrey. Di samping Piala Pusingan, hadiah iringan dan wang tunai juga akan diberikan sebagai kenangan manis para pemenang.



Kata Muan

Y.B Menteri Penerangan

*P*rogram Kuiz Kenegaraan anjuran Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia adalah usaha positif ke arah meningkatkan pengetahuan, kefahaman, kesedaran, sokongan serta penglibatan masyarakat mengenai falsafah, wawasan sejarah perjuangan dan dasar-dasar kerajaan. Program ini adalah satu saluran yang baik dan sesuai bagi masyarakat, khasnya generasi muda untuk menguasai dan mengikuti perkembangan semasa. Malahan Kuiz Kenegaraan ini juga sebagai mangkin ke arah membina minda masyarakat untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Penyertaan dalam Kuiz Kenegaraan ini adalah sebagai sumbangan ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bermaklumat, progresif, bermaruah dan bersatu padu. Mengang tidak dinafikan bahawa program ini memberi pendedahan kepada ilmu pengetahuan ke arah pembangunan negara.

Saya berharap program ini terus dilaksanakan selaras dengan objektif yang digariskan. Para peserta juga hendaklah benar-benar melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk menjadikan rakyat bermaklumat.

Saya mengucapkan selamat bertanding kepada semua pasukan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1994. Kepada yang berjaya diucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah. Syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia dan semua pihak yang terlibat menjayakan Pertandingan Kuiz Kenegaraan 1994.

SELAMAT MAJU JAYA

(DATO' MOHAMED RAHMAT)



Kata Muan
Pengarah Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan

*S*etinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Penerangan Kelantan kerana telah bersetuju menjadi tuanrumah Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1994 di Kota Bharu, Kelantan.

Saya ucapkan selamat datang kepada semua peserta Kuiz Kenegaraan ke negeri Kelantan. Semoga tuan/puan semua dapat mengenali Kelantan dengan lebih dekat lagi dari segi sejarah, masyarakat dan budayanya.

Sebagai salah satu agensi Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, seharusnya memainkan peranan penting untuk menyampaikan maklumat yang tepat dengan kaedah yang sesuai kepada rakyat. Rakyat yang berilmu dan mempunyai pengetahuan jelas tentang peranan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk membangun diri, keluarga dan masyarakatnya, selaras dengan Wawasan 2020.

Akhirnya, saya ucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta yang mengambil bahagian di dalam pertandingan kali ini.

Sekian, terima kasih.

Mohd. Anis
(MOHD. ANIS BIN AJMAL MOHD.)